

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 11/04/2019
Edisi / Muka Surat : Selatan /24
Tajuk : MACCOPS 2019 di Johor

MACCOPS 2019 di Johor

Berlangsung pada 28
November hingga 1
Disember

MOHAMAD NORZAHARUDDIN
KASIMON

BATU PAHAT

Negeri Johor bakal menjadi tuan rumah Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru pada 28 November hingga 1 Disember 2019.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, MACCOPS 2019 menekankan konsep per-tunjukan dagangan global yang memerlukan penglibatan kope-rasi antarabangsa dan kerjasama Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA ROAP).



Abdul Fattah (tengah) serah sumbangan Sudut Laman Angkasa kepada Pengerusi Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Batu Pahat, Emiruddin Jaafar di Batu Pahat.

"Karnival ini melibatkan kope-rasi Malaysia dan antarabangsa. Kita jangka 200 pempamer iaitu 100 koperasi tempatan, 10 koperasi antarabangsa dari Iran, Indonesia, China, Thailand, New Zealand dan selebihnya agensi kerajaan dan swasta.

"Kami juga jangka sebanyak lima pertukaran memorandum

persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dengan nilai hasrat dagangan RM70 juta yang akan memfokuskan lapan sektor koperasi di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Angkasa Negeri Johor di Dewan Sultan Ibrahim Universiti Tun

Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Angkasa Negeri Johor, Sazali Abd Hamid dan Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Kluang@, Ti Tian Chay.

Menurutnya, penganjuran MACCOPS kali keempat ini dijangka mewujudkan nilai tambah dalam perusahaan dan perniagaan gerakan koperasi yang memberi kesan pada pengembangan perniagaan.

Selain itu, seramai 100,000 pengunjung dari dalam dan luar negara dijangka memeriahkan penganjuran ini.

"Fokus kita adalah impak pembangunan gerakan koperasi negara melalui pengembangan aktiviti pelbagai sektor dan MACCOPS mencipta penanda aras yang mewujudkan rantaian kerjasama gerakan koperasi negara pelbagai ekonomi dan perniagaan," katanya.

Abdul Fattah berkata, MACCOPS 2019 meneruskan fokus

info

- 10 koperasi antarabangsa
- 100 koperasi tempatan
- Negara terlibat (Iran, Indonesia, China, Thailand, New Zealand)
- Sasar 100,000 pengunjung

mentransformasikan pembangunan perniagaan gerakan koperasi dan menyediakan lebih banyak peluang dapat dicapai di peringkat nasional dan global.

Pada masa sama, Angkasa akan memastikan hala tuju yang selaras kerajaan termasuk dasar-dasar baharu seperti Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (NEF) yang akan dibentang Kementerian Pembangunan Keusahawanan (MED) pada masa terdekat ini.

"Ini juga salah satu perkara yang kita akan bentangkan pada Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa (PKTA) ke-34 pada 29 Jun depan," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA